

HILANG.... JUMPA SEMULA

Sudut barang yang tertinggal di tempat awam termasuk masjid merupakan antara kemudahan yang banyak terdapat di sini. Namun apakah yang berlaku kepada barangan tersebut sekiranya pemiliknya tidak menuntutnya kembali?

FARID HAMZAH dan **NURMAYA ALIAS** mendapatkan maklum balas sektor pelancongan, kesihatan, runcit dan masjid di serata pulau untuk mengetahui apa yang dilakukan kepada barangan yang ditemui dan tidak dituntut semula pemilik asalnya.



BAYANGKAN situasi ini. Anda keluar dari masjid selepas menunaikan solat, lalu hiduipkan enjin motosikal dan terus menunggang pulang. Tanpa disedari anda tidak memakai topi keledar sepanjang perjalanan. Hanya apabila ditegur pengguna jalan raya lain, barulah anda sedar bahawa topi keledar anda itu tertinggal di masjid. Itulah yang dialami Haji Abdullah (bukan nama sebenar) tatkala tertinggal topi keledarnya di masjid selepas solat Jumaat. Mujur apabila beliau kembali ke masjid untuk mencari topi keledarnya itu, ia sudah berada di tangan pihak masjid selepas ia ditemui dan kemudian diserahkan kepada salah seorang pegawai yang berada di pejabat masjid. "Mulanya saya puas mencari seluruh kawasan luar dan dalam masjid dengan bantuan beberapa kenalan tapi tak jumpa. Saya kemudian pasrah bahawa topi keledar saya itu sudah lesap. "Namun salah seorang kenalan saya kemudian beritahu bahawa topi keledar saya itu telah ditemui dalam 'keadaan selamat' - dijaga pegawai masjid itu," kata datuk berusia 69 tahun itu yang enggan wajah atau namanya disiarkan. Kes tertinggal barang di masjid dan tempat awam lain bukan perkara baru. Hampir setiap minggu, ada sahaja barangan berharga dan tidak berharga ditemui dan diserahkan kepada pemilik tempat. Tidak semua barang dituntut kembali pemilik asalnya. Barangan yang ditemui kemudian disimpan selama beberapa bulan sebelum akhirnya diderma, dilelong pemilik tempat barangan itu ditemui atau diserahkan kepada pihak berkuasa.

MASJID

Di Masjid Sultan barangan yang ditemui dan tidak dituntut semula dijual secara lelong kepada jemaah yang berminat. Pengerusi Lembaga Pengamanah dan Lembaga Pengurusan Masjid Sultan, Encik Mohamed Patail, berkata hasil daripada jualan lelong itu kemudian disalurkan kepada program dan kegunaan penyenggaraan masjid tersebut. "Kami biasanya adakan jualan ini selepas barangan yang ditemui tidak dituntut semula antara setahun dengan dua tahun kemudian. "Setiap minggu ada sahaja barangan yang ditemui dan diserahkan kepada kami. "Sebahagian daripadanya tidak dituntut semula. Antaranya kunci kereta. "Agaknya bagaimana pemilik kunci kereta ini pulang, ya?" katanya tersenyum. Dalam satu acara meelong barangan yang ditemui dan tidak dituntut semula itu, sejumlah \$2,000 berjaya dikumpul dan hasilnya kemudian disalurkan kepada dana pembangunan program masjid tersebut. Pengerusi eksekutif Masjid Al-Muttaqin, Encik Paiman Supangat, pula berkata biasanya barangan yang tidak dituntut tidak mempunyai nilai yang tinggi.



DILELONG: Salah satu acara yang baru diadakan di mana barangan yang tidak dituntut semula dijual dan hasilnya digunakan bagi kegunaan program dan penyenggaraan Masjid Sultan. - Foto MASJID SULTAN

“Barangan yang lebih berharga seperti iPad, telefon bimbit biasanya dituntut semula oleh jemaah yang tertinggal...”

kata Pengerusi Lembaga Pengamanah dan Lembaga Pengurusan Masjid Sultan, Encik Mohamed Patail.

Antaranya termasuk jam tangan, kaca mata, sarung kaca mata, buku dan beberapa barangan lain. "Barangan yang lebih berharga seperti iPad, telefon bimbit biasanya dituntut semula oleh jemaah yang tertinggal. "Kami biasanya simpan barangan yang tidak dituntut selama dua tahun sebelum kami lelong kepada jemaah," jelasnya.

ANTARA 'KOLEKSI': Inilah barangan yang ditemui tertinggal dan belum dituntut semula pemilik asalnya seperti yang ditunjukkan Encik Mohamed Patail dan seorang eksekutif pentadbiran Masjid Sultan, Cik Norsam Ibrahim. - Foto ZAINAL YAHYA



HOSPITAL

Gigi palsu dan topi keledar merupakan antara barangan yang pernah ditemui dan diserahkan kepada kakitangan Hospital Besar Changi (CGH). Barangan lain termasuk cermin mata dan kunci. Seorang jurucakap CGH berkata barangan yang tidak dituntut akan disimpan selama sebulan di pejabat pengawal keselamatannya dan dicatat dalam buku hilang dan temu. "Semasa tempoh ini, sesiapa yang katakan beliau hilang barang tersebut boleh ke pejabat pengawal keselamatan kami yang beroperasi 24 jam setiap hari untuk ebrtanyakan tentang barang tersebut," katanya. Pengurus Pejabat Estet, Hospital Tan Tock Seng (TTSH), Encik Vincent Loo, pula berkata pihak pengawal keselamatan akan menyimpan barangan yang ditemui selama tujuh hari. "Barangan berharga yang tidak dituntut akan diserahkan kepada polis, sementara yang tidak berharga akan dihapuskan," katanya.

LAPANGAN TERBANG CHANGI

Barangan yang biasa ditemui dan tidak dituntut semula termasuk telefon bimbit, beg, pakaian, alat tablet, pasport, kad kredit/bank, kerusi sorong bayi dan alat muzik. Jurucakap Changi Airport Group berkata: "Barangan ini akan ditandakan dan butirannya dicatat. Ia kemudian disimpan dalam sebuah bilik stor selama 60 hari. "Barangan yang tidak dituntut semula akan didermakan kepada Persatuan Palang Merah Singapura atau dihapuskan. "Bagi melindungi keperibadian, barangan yang ditemui mengandungi data peribadi (seperti telefon bimbit), akan dihapuskan."



SERAH DAN TANYA: Sekiranya menemui sebarang barangan atau anda kehilangan barangan di Lapangan Terbang Changi, anda boleh serahkan atau bertanyakan di kaunter maklumat ini. - Foto MOHD KHALID BABA

PUSAT BELI-BELAH

Berbanding masjid, pemilik beberapa pusat beli-belah akan hanya menyimpan barangan yang ditemui dan tidak dituntut semula selama tujuh hari sebelum menyerahkannya kepada pihak polis. Seorang jurucakap CapitaLand Mall Asia berkata kebanyakan barangan yang tertinggal biasanya barangan peribadi seperti dompet dan kad pengenalan. "Sejurus pasukan khidmat pelanggan kami menerima sebarang barangan yang ditemui, mereka akan berusaha mencari pemilik asalnya menerusi apa jua cara. "Sekiranya tiada butiran, barangan itu disimpan selama tujuh hari sementara menantikan pemilik asalnya menuntut semula barangan tersebut. "Barangan yang tidak dituntut semula dalam tempoh tujuh hari kemudian diserahkan kepada pihak polis," jelas beliau. Pada masa ini CapitaLand Mall Asia memiliki dan menguruskan sebanyak 18 pusat beli-belah di serata pulau - termasuk Tampines Mall dan Bedok Mall.

TEMPAT TARIKAN PELANCONG

Sesiapa yang kehilangan barangan berharga dalam tasik pasti akan berasa cuak dan menggelabah. Begitulah perasaan seorang pengunjung apabila anting-anting berliannya terjatuh ke dalam Tasik Kingfisher di Taman di Pesisiran semasa beliau sedang memetik gambar dari sebuah jambatan. Sejurus mendengar kejadian itu, pengurus kanan khidmat pengunjung, Encik Clarence Chua, cuba mencari anting-anting berlian itu di dalam air dengan jaring ikan dan berjaya menemui barangan bernilai itu. Oleh sebab pengunjung gembira dapat semula anting-anting berliannya, beliau serta-merta mendaftarkan diri untuk program keanggotaan Teman Taman (Friends of Gardens). Seorang lagi pengunjung Taman di Pesisiran pernah tertinggal sebuah komputer riba semasa lawatannya ke taman itu pada Januari 2015. Eksekutif khidmat pengunjung, Cik Fadilah Mansor, telah terjumpa komputer riba itu dan cuba mencari pemiliknya menerusi satu dokumen tempahan kembara yang didapati dalam komputer.

Oleh sebab dokumen itu mempunyai nombor telefon sebuah agensi pelancongan, Cik Fadilah cuba menghubungi agensi tersebut lalu mendapati bahawa komputer itu kepunyaan seorang pelancong dari Itali. Pelancong tersebut telah menangguk penerbangan pulang ke Itali untuk mencari komputer ribanya dan berasa lega apabila berjaya mendapatkannya ia semula. Menurut seorang jurucakap dari Taman di Pesisiran, antara barangan yang biasa ditemui dan tidak dituntut semula termasuklah kad EZ-link, kaca mata hitam, telefon bimbit dan dompet. Barang berharga yang tidak dituntut selepas sebulan akan diserahkan kepada pihak polis.

PERPUSTAKAAN AWAM

Semua barangan yang biasa ditemui dan tidak dituntut semula akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu barangan berharga dan tidak berharga, menurut seorang jurucakap Lembaga Perpustakaan Negara.

Barangan berharga termasuk kad pengenalan dan kad EZ-link akan diserahkan kepada pihak polis atau pihak berkuasa relevan selepas 14 hari. Barangan tidak berharga seperti botol air dan alat tulis akan dihapuskan selepas 14 hari.

PUSAT SAINS SINGAPURA

Semua barangan yang biasa ditemui dan tidak dituntut akan disimpan di sebuah tempat selamat. Jika barangan itu mempunyai butiran pemiliknya, kakitangan Pusat Sains Singapura akan menghubungi pemilik itu dan membantunya mendapatkan barangannya semula. Barangan yang berharga biasanya disimpan selama mungkin, manakala barangan yang tidak berharga akan dibuang selepas tiga hingga enam bulan.

